

05/12/2000

Mahathir tidak layan kerendah akhbar Singapura

Kadir Dikoh; Salina Abdullah; Mohd Zin Ali
KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak akan melayan kerendah akhbar utama Singapura, Straits Times, yang cuba menyeret negara ini ke dalam kontroversi kritikan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid terhadap republik itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tahu niat sebenar akhbar terbabit dan tidak akan membuat sebarang ulasan mengenai isu berkenaan.

"Kita tak ada komen. Kita tahu niat mereka (akhbar terbabit)... oleh itu kita tidak mahu buat apa-apa komen," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan perkhidmatan Arcnet NTT MSC Sdn Bhd di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar itu baru-baru ini yang menyifatkannya serta Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai batu api yang menyemarakkan kemarahan Gus Dur terhadap Singapura.

Gus Dur sebelum ini mengkritik Singapura yang dianggapnya hanya mementingkan keuntungan serta sama ada Malaysia dan Indonesia akan memotong bekalan air ke Singapura.

Ruangan oleh wakil akhbar itu di Jakarta menyatakan, dalam dua kejadian sebelum Gus Dur menyelar Singapura, pemimpin Indonesia mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir dan Syed Hamid.

Sementara itu, Syed Hamid mengingatkan akhbar Singapura supaya tidak memandang serong dan membuat anggapan bahawa Malaysia sentiasa cuba bermusuhan dengan republik itu.

Katanya, media negara itu tidak seharusnya mempunyai prasangka buruk terhadap orang lain yang dilihat seolah-olah mempunyai agenda tersembunyi untuk merosakkan Singapura.

Beliau berkata, akhbar Singapura seharusnya melihat Malaysia dari sudut positif kerana kedua-dua negara mempunyai hubungan perdagangan, ekonomi dan pelaburan yang amat rapat dan erat sejak dulu.

Katanya, mereka jelas menunjukkan sikap berkenaan apabila cuba mengheret Malaysia bermusuhan dengan Singapura dengan mendakwa bertindak sebagai dalang apabila Indonesia menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap republik itu.

"Indonesia mempunyai pendapat sendiri dan dia bercakap atas asas apa yang difikirkan betul oleh negara itu dan bukan hal kita untuk menghasut mereka memberi pandangan.

"Sebenarnya, Singapura lebih memahami keadaan yang sebenar kerana salah seorang penasihat Indonesia adalah Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew... bukannya menteri dari Malaysia.

"Oleh itu, mereka perlu melihat dengan waras. Adalah tidak munasabah Dr Mahathir yang sering bercakap mengenai perpaduan Asean, tiba-tiba menjadi dalang untuk menyuruh Indonesia menghentam Singapura.

"Jika mentaliti seumpama ini wujud, Singapura akan menganggap semua sahabat dan kawannya sentiasa ada agenda tersembunyi untuk melakukan sesuatu terhadap republik itu," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen, hari ini.

Mengenai pertemuan Dr Mahathir dengan Gus Dur baru-baru ini, Syed Hamid berkata, perjumpaan itu diadakan secara terbuka dan kedua-dua pemimpin tidak mempunyai masa untuk berbincang mengenai perkara yang patut dilakukan ke atas Singapura.

Malah selepas perjumpaan itu, katanya, beliau sendiri mengadakan sidang akhbar dan tiada apa yang perlu dirahsiakan seperti didakwa oleh penulis

berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Malaysia cuba mempengaruhi ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya bersetuju menghantar pasukan pelindung serta penyiasat di Palestin.

"Kita harap pasukan itu dapat pergi ke Palestin untuk membuat laporan secara lebih jelas di kawasan kejadian. Kita juga mahukan satu lagi pasukan pelindung yang dalam apa saja bentuknya supaya dapat menahan keganasan dan kezaliman Israel.

"Nampaknya ada pendapat yang mula cenderung kepada usaha kita itu. Jika ia berjaya, saya percaya soal untuk memulakan proses damai akan mencapai kejayaan," katanya.

(END)